



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

PEMENANG
Anugerah Kualiti
Perdana Menteri
2008



Konvensyen

ICC PERPUSTAKAAN SEMALAYSIA

KE-3

Hotel City Bayview
LANGKAWI

9 - 11 Jun
2011

Tajuk Projek:

MEMPERCEPATKAN PENYEDIAAN
SURAT PENAHANAN KONVOKESYEN



JABATAN PENGURUSAN SISTEM
DAN TEKNOLOGI MAKLUMAT
& BAHAGIAN PERKHIDMATAN PELANGGAN,
PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
SHAH ALAM SELANGOR

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UTM)



ABSTRAK

Projek kumpulan Titanium adalah untuk mengatasi masalah kelewatan penyediaan surat penahanan konvokesyen sebulan sebelum konvokesyen berlangsung selari dengan piagam pelanggan Bahagian Perkhidmatan Pelanggan Perpustakaan Tun Abdul Razak. Hasil projek ini adalah untuk memastikan proses penyediaan dilakukan secara mudah, pantas dan cepat agar perjalanan konvokesyen berjalan dengan lancar, menghasilkan satu kaedah standard bagi penyediaan surat, mengurangkan semaksima mungkin bilangan graduan yang mempunyai masalah dengan Perpustakaan, serta penyediaan yang lebih tepat dan mudah untuk pemantauan Antara faedah yang diperolehi daripada projek ini ialah, dapat menjimatkan wang jabatan, menjimatkan masa, memberi impak kepada Perpustakaan di dalam mempercepatkan proses penyediaan surat penahanan konvokesyen, meningkatkan produktiviti staf serta memudahkan Bahagian Konvokesyen UiTM menjalankan operasi pengagihan jubah. Cadangan penyelesaian bagi mengatasi masalah ini adalah dengan mencipta satu alat (tool) yang dapat menyemak secara berkelompok, menentukan proses yang paling penting untuk maklumat pelajar serta mewujudkan fungsi cetakan secara berkelompok yang dikenalpasti dapat mempercepatkan penyediaan suart penahanan konvokesyen. Kos operasi jabatan dapat diijimatkan sebanyak RM97,0000.00.

TEMA PROJEK

"TRANSFORMASI PROSES KERJA YANG CEKAP DAN PRODUKTIF"

OBJEKTIF PROJEK :

1. Memastikan proses penyediaan dilakukan secara mudah, pantas dan cepat agar ianya berjalan lancar,
2. Menghasilkan satu kaedah standard bagi penyediaan surat,
3. Mengurangkan semaksima mungkin bilangan graduan yang mempunyai masalah dengan perpustakaan, dan
4. Penyediaan yang lebih tepat dan mudah untuk pemantauan

LATAR BELAKANG

KONVOKESYEN UiTM diadakan 2 kali setahun. Sebelum konvokesyen bermula Perpustakaan akan memastikan setiap graduan tidak mempunyai hutang dari segi pinjaman buku dan denda lewat pemulangan buku. Secara puratanya, Perpustakaan perlu menyemak senarai bakal graduan seramai 5972 setiap kali konvokesyen bersidang. Setelah perpustakaan mengenalpasti graduan yang bermasalah atau tidak, senarai graduan yang berhutang dengan perpustakaan akan dihantar surat peringatan penahanan konvokesyen sebelum konvokesyen bermula. Setiap kali konvokesyen berlangsung, pihak perpustakaan lewat mengeluarkan surat peringatan penahanan konvokesyen kepada graduan sebulan sebelum konvokesyen. Ini telah menjejaskan imej jabatan kerana graduan lambat menerima surat peringatan tersebut dan tidak mematuhi piagam pelanggan Bahagian Perkhidmatan Pelanggan Perpustakaan Tun Abdul Razak.

CADANGAN KREATIVITI / INOVASI

Bagi mengatasi masalah kelewatan penyediaan surat penahanan konvokesyen ini, kumpulan mencipta satu alat (tool) yang boleh menyemak data graduan secara berkelompok, menentukan proses yang paling penting untuk maklumat pelajar serta mewujudkan fungsi cetakan secara berkelompok yang dikenalpasti dapat mempercepatkan penyediaan surat penahanan konvokesyen. Alat (tool) tersebut dikenali sebagai *"Filterig Smart Kit"*

FAEDAH PROJEK

- Memberi impak kepada perpustakaan di dalam mempercepatkan penyediaan surat penahanan konvokesyen
- Meningkatkan produktiviti staf yang menguruskan Bahagian Perkhidmatan Pelanggan dengan lebih berkesan
- Menjimatkan masa semasa proses penyediaan surat penahan konvokesyen, dan
- Memudahkan Bahagian Konvokesyen UiTM menjalankan operasi pengagihan jubah kepada bakal graduan.

ISI KANDUNGAN

| BIL. | PENGENALAN | NO. SLAID | MUKA SURAT |
|------|---|-----------|------------|
| 1 | TAJUK PROJEK | - | 1 |
| 2 | SEJARAH PENUBUHAN UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UITM) | 1 | 2 |
| 3 | KAMPUS UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UITM) NEGERI | 2 | 2 |
| 4 | FALSAFAH , VISI, MISI & OBJEKTIF SERTA LOGO UITM | 3 | 3 |
| 5 | STRUKTUR ORGANISASI UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UITM) | 4 | 3 |
| 6 | PENGIKTIRAFAN UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UITM) | 5 | 4 |
| 7 | PENGURUSAN EKSEKUTIF UITM & PENGURUSAN KANAN UITM | 6 | 4 |
| 8 | PERPUSTAKAAN UITM SHAH ALAM & KAMPUS NEGERI | 7 | 5 |
| 9 | PETA LOKASI PERPUSTAKAAN UITM & TARIKH PENUBUHAN PTAR | 8 | 5 |
| 10 | LOGO & TAGLINE PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK, UITM | 9 | 6 |
| 11 | PENGENALAN PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK, UITM 1 | 10 | 6 |
| 12 | PENGENALAN PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK, UITM 2 | 11 | 7 |
| 13 | PENSIJILAN ISO 9001 : 2008 PERPUSTAKAAN UITM | 12 | 7 |
| 14 | VISI & MISI, DASAR KUALITI & PIAGAM PELANGGAN PTAR | 13 | 8 |
| 15 | LOKASI PERPUSTAKAAN UITM SHAH ALAM | 14 | 8 |
| 16 | STRUKTUR ORGANISASI PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK | 15 | 9 |
| 17 | PENGURUSAN PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK | 16 | 9 |
| 18 | PENCAPAIAN PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK | 17 | 10 |
| 19 | ASPIRASI NAIB CANSOLOR UITM | 18 | 10 |
| 20 | HALATUJU PTAR 2010 | 19 | 11 |
| 21 | CARTA ORGANISASI JABATAN PENGURUSAN SISTEM & TEKNOLOGI MAKLUMAT (JPSTM) | 20 | 11 |
| 22 | PERKHIDMATAN YANG DISEDIAKAN OLEH JPSTM | 21 | 12 |
| 23 | BIDANG TUGAS JPSTM | 22 | 12 |
| 24 | OBJEKTIF JPSTM | 23 | 13 |
| 25 | WAWASAN & MISI JPSTM | 24 | 13 |
| 26 | PIAGAM PELANGGAN JPSTM | 25 | 14 |
| 27 | PENGERTIAN LOGO, MOTTO, OBJEKTIF & WARNA | 26, 27 | 14, 15 |
| 28 | DEFINISI TITANIUM | 28 | 15 |
| 29 | AKTIVITI KUMPULAN TITANIUM | 29 | 16 |
| 30 | PENCAPAIAN KUMPULAN TITANIUM | 30 | 16 |
| 31 | GAMBAR AHLI KUMPULAN TITANIUM | 31 | 17 |
| 32 | PENGENALAN & LOKASI PTAR | 32 | 17 |
| 33 | BIODATA KUMPULAN TITANIUM | 33 | 18 |
| 34 | PROFIL AHLI KUMPULAN | 34 | 18 |
| 35 | BORANG PENUBUHAN KUMPULAN | 35 | 19 |
| 36 | JADUAL KEHADIRAN MESYUARAT FEB – JUN 2009 | 36 | 19 |
| 37 | CARTA MATRIK AGIHAN TUGAS | 37 | 20 |